

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK JUSLIE BIN AJIROL [ LIBARAN ]**

**SOALAN :**

**YB Datuk Juslie bin Ajirol [ Libaran ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rombakan Peraturan Tetap Operasi Pengendalian Bencana Banjir bagi memastikan koordinasi tindak balas pengurusan bencana dilaksanakan lebih efektif dan efisien terutama pada musim tengkujuh pada setiap tahun.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri semasa Mesyuarat Khas Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP) bertarikh 3 Januari 2014 telah mengarahkan supaya Peraturan Tetap Operasi (PTO) Pengendalian Bencana Banjir disemak semula dan ditambah baik bagi kegunaan pengendalian bencana banjir ekstrem.

PTO tersebut dibentangkan kepada semua agensi di mana peranan dan tindak balas pihak yang terlibat dalam pengurusan bencana telah diperincikan. Kandungan PTO berkenaan telah dimaklumkan kepada semua agensi berkaitan melalui jentera Jawatankuasa Pengurusan Bencana di peringkat daerah dan negeri yang dipengerusikan oleh Pegawai-Pegawai Daerah dan Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri .

Selain memperincikan peranan agensi sewaktu fasa tindak balas, PTO tersebut juga turut mengambil kira pengurusan perkara yang perlu dilaksanakan oleh setiap agensi dan jawatankuasa berkaitan pada setiap fasa pengurusan bencana secara holistik yang meliputi fasa sebelum (Pencegahan dan Kesiapsiagaan Bencana), fasa semasa (Tindak Balas Bencana) dan fasa selepas (Pemulihan Pasca Bencana).

PTO yang telah disemak semula ini turut menggariskan langkah-langkah yang perlu dilaksanakan pada setiap peringkat, antaranya adalah penyediaan Pelan Tindak Balas Bencana Tempatan di peringkat negeri

dan daerah. Pegawai Daerah dan YB Setiausaha Kerajaan Negeri selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana perlu menyediakan rancangan kesiapsiagaan dan tindak balas yang bersesuaian dalam pengurusan bencana.

Persediaan menghadapi bencana perlu dirancang secara terperinci dan didokumentasikan di dalam satu pelan tindakan supaya setiap petugas mengetahui dan boleh merancang dengan lebih berkesan tindakan-tindakan yang perlu diambil pada peringkat sebelum dan semasa bencana berlaku.

Selain menambahbaik strategi pelaksanaan aspek pengurusan sebelum, semasa dan selepas bencana di dalam PTO Pengendalian Bencana Banjir, Prosedur Operasi Standard (SOP) agensi pelaksana yang sedia ada juga sedang dikaji, disemak serta dikemaskini supaya berkeupayaan dalam menghadapi situasi banjir yang ekstrem.

Sekian. Terima kasih.